

Pertelagahan laporan akaun Oilcorp selesai

OILCORP Corp Bhd menyelesaikan isu pertelagahan laporan perakaunan antara pihak pengurusan dan juruauditnya apabila laporan akaun itu telah siap diaudit dan diterima pemegang sahamnya pada mesyuarat agung tahunannya (AGM) semalam.

Justeru, syarikat yang terbabit dalam aktiviti perkhidmatan kejuruteraan, pembinaan dan pentauliahan dalam industri minyak dan gas itu menumpukan pelaksanaan strategi khusus untuk meluaskan lagi perniagaannya.

Buat permulaan, syarikat itu mensasar untuk mendapatkan lebih daripada RM10 bilion nilai kontrak bagi tempoh lima tahun akan datang.

Ini termasuk jangkaan pembabitan dalam beberapa projek fabrikasi gas dan minyak luar pesisir pantai di rantau Asia dan Asia Barat.

Oilcorp dalam kenyataannya semalam berkata, sebagai vendor berlesen Petronas, syarikat itu akan mengemukakan tender dan berunding secara agresif untuk mendapatkan kontrak daripada Petronas Carigali, Shell, Murphy Oil, Newfield, CS Mutiara, Exxon Mobil dan Talisman.

Katanya, syarikat itu turut meninjau kerja bagi kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan (EPC) dan pengurusan kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan (EPCM) kompleks petrokimia di Sabah.

Katanya, syarikat itu turut melihat teknologi bersih dan boleh diperbaharui seperti solar, angin, biofuel dan nuklear sebagai revolusi global seterusnya.

Justeru, katanya, kumpulan itu mensasar untuk mendapatkan beberapa kontrak berkaitan teknologi itu dalam masa terdekat.

Bagi segmen hartanah, Oilcorp berkata, ia masih berminat untuk menyenaraikan cabang hartanah dan pengurusan pusat peragingannya, D] Tiara Corp Ltd, dalam pasaran kewangan luar negara tahun depan.
